

# 18 SISWA UPM TIMBA PENGALAMAN DI INDONESIA



HARIAN METRO  
5/6/2017 p.8

Seramai 18 penuntut dari Jabatan Matematik, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai program mobiliti Reise de Java 2017 di Universitas Brawijaya, Malang, Indonesia baru-baru ini.

Pengarah program, Muhammad Zulsyahmi Ab Rahman berkata program itu bertujuan membolehkan penuntut menimba pengalaman belajar di negara luar serta bertukar fikiran dan pendapat dengan siswa di sana.

"Pertukaran ini memberi impak yang positif terhadap peserta kerana dapat belajar dalam suasana yang baharu. Hal ini dapat menjadikan minda peserta lebih terbuka," katanya

Beliau berkata, program itu dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara penuntut UPM dengan penuntut daripada Universitas Brawijaya (UB) yang rata-ratanya mempunyai latar belakang dan budaya yang berbeza.

"Antara universiti yang

dilawati ialah Universitas Islam Negeri Malang, Universitas Negeri Malang, Universitas Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang dan Universitas Muhammadiyah Malang," katanya.

Sementara itu, turut diadakan perjumpaan bersama siswa Malaysia di Universitas Brawijaya yang rata-ratanya adalah penuntut daripada Fakulti Kedoktoran, pelbagai pengalaman menarik dikongsi bersama.

Pelajar Ijazah Sarjana

Muda Sains (Matematik), Nur Sahira Faghira Tahir Adli berkata, program itu mempunyai objektif tersendiri iaitu supaya penuntut lebih berkemahiran insaniah sejajar dengan hasrat universiti.

"Program ini meningkatkan kemahiran komunikasi saya, manakala perbezaan suasana tidak menjadi penghalang untuk kami menerima sesuatu yang baharu kerana pengalaman yang diperolehi

PESERTA program Reise de Java 2017 di Universitas Brawijaya.

dapat dikongsikan bersama rakan-rakan di UPM.

"Pelbagai pengalaman baharu ditimba sepanjang lawatan ke universiti itu kerana suasana dan persekitaran yang berbeza daripada UPM," katanya.

Satu sesi perkongsian turut diadakan untuk berkongsi rangka kerja, aktiviti serta program Kelab Mahasiswa Matematik dengan Kelab Matematik di sana.